



Julai dalam Kenangan

JULAI 1997 padat dengan pelbagai peristiwa. Daripada yang boleh dianggap besar, pengembalian semula tanah jajahan British, iaitu Hong Kong kepada China, kepada yang kecil, perasmian Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah di Teluk Likas yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan ketika itu, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. Keduanya berlangsung pada 1 Julai.

Keesokan harinya, pihak berkuasa Thai menurunkan nilai mata wangnya. Berita penurunan nilai itu menyebabkan nilai Bath jatuh sebanyak 20 peratus - satu rekod terendah. Dengan serta-merta Kerajaan Thai memohon "bantuan teknikal" daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Pada 8 Julai, Bank Negara Malaysia campur tangan untuk mempertahankan Ringgit. Tiga hari kemudian, mata wang Filipina, Peso, diturunkan nilai. Pada 24 Julai, Dolar Singapura mula merosot. Pendek kata, jatuh berlaku dengan pantas sehingga sukar untuk ditopang.

Krisis kewangan Asia yang tercetus pada Julai 1997 memang mengejutkan, dan apa-apa yang dianggap krisis mata wang yang bersifat tempatan di Thailand, membawa kesan domino yang begitu pantas ke negara Asia Tenggara yang

lain, iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina. Pada musim gugur tahun 1997, jangkitan merebak lebih jauh, iaitu ke Korea Selatan, Hong Kong, dan China, dan seterusnya pada tahun 1998, merebak ke Rusia dan Brazil. Krisis kewangan Asia tahun 1997, secara keseluruhannya tidak dijangkakan dan dicirikan oleh kejatuhan ketara harga aset dan nilai mata wang di beberapa buah negara secara serentak.

Sebelum krisis melanda, iaitu antara Januari - Jun 1997, nilai mata wang Malaysia adalah antara RM2.48 hingga RM2.52 untuk AS\$1.00, jatuh pada paras terendah, iaitu RM4.88 pada Januari 1998. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar merosot 7.4 peratus pada tahun 1998, tumbuh 5.8 peratus pada tahun 1999. Sebelum krisis, selama satu dekad, negara mencatatkan pertumbuhan lapan peratus setahun.

Perdana Menteri Malaysia pada masa itu, Dato' Seri Dr. Mahathir (kini Tun) yang bercuti panjang sejak Mei, pulang dengan menuduh

Krisis kewangan Asia yang tercetus pada Julai 1997 memang mengejutkan, dan apa-apa yang dianggap krisis mata wang yang bersifat tempatan.

chr. no = 0000 275328

ECO 2017 / AIO



Tun Dr. Mahathir Mohamad

George Soros yang menjadi punca krisis tersebut. Apabila krisis mata wang Thailand menyebabkan Ringgit Malaysia dan mata wang lain di rantau ini runtuh, beliau menyalahkan pelabur dana lindung nilai, seperti Soros, yang beliau sebut "penyangak." Walau bagaimanapun, Soros mengatakan bahawa tuduhan Dr. Mahathir itu tidak berkesan secara keseluruhannya.

Pertikaman lidah antara Dr. Mahathir dengan Soros, terbawa-bawa dalam mesyuarat tahunan Bank Dunia dan IMF yang berlangsung di Hong Kong pada akhir September 1997. Pertikaian tersebut dikatakan mewarnai mesyuarat tahunan itu, memukau beribu-ribu banker dan wakil kerajaan. Di sana, Dr. Mahathir dipetik sebagai berkata, "Saya tahu, saya mengambil risiko besar untuk mengesyorkannya, tetapi saya berkata bahawa perdagangan mata wang tidak perlu, tidak produktif dan tidak bermoral. Perdagangan ini sepatutnya dihentikan, sepatutnya dijadikan tidak sah. Kita tidak memerlukan perdagangan mata wang. Kita perlu membeli wang hanya apabila kita mahu membiayai perdagangan sebenar."

Soros dalam serangan balas 24 jam kemudian menyebut, "Dr. Mahathir sebagai 'ancaman terhadap negaranya sendiri' dan 'a loose cannon' yang tidak sepatutnya dianggap serius."

Dalam sesi yang turut dihadiri oleh Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn, Soros berkata bahawa beliau dijadikan sasaran semua jenis dakwaan palsu dan tuduhan dahsyat yang dilemparkan oleh Dr. Mahathir. Beliau menegaskan, pemimpin Malaysia ini menggunakan beliau "sebagai mangsa lempar salah untuk menutup kelemahan sendiri."

Berikutan krisis kewangan Asia itu, kerajaan menubuhkan tiga institusi, iaitu Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), Pengurusan Danamodal Nasional Berhad (Danamodal) dan Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (*Corporate Debt Restructuring Committee* - CDRC).

Danaharta ialah syarikat pengurusan aset sebagai langkah terlebih dahulu untuk mengetepikan pinjaman tidak berbayar (NPL) daripada institusi perbankan. Objektif Danaharta

adalah untuk mengekalkan tahap NPL dalam sistem perbankan pada kadar boleh urus. Danamodal yang menyusul, bertujuan untuk memodalkan semula institusi perbankan menerusi suntikan modal, manakala CDRC bertujuan bagi menyediakan mekanisme untuk institusi perbankan dan penghutang bagi melaksanakan skim penyusunan semula hutang boleh laksana.

Seperti pada 15 Ogos 2002, CDRC menyelesaikan 47 kes dengan jumlah hutang RM43.971 bilion. Daripada jumlah kes itu, 28 kes yang dilaksanakan sepenuhnya dan 19 kes ditangguhkan pelaksanaannya. Kes yang dilaksanakan sepenuhnya dengan jumlah hutang RM34.26 bilion, melibatkan syarikat antaranya, Renong Berhad, Time Engineering Berhad, Johor Corporation, Titan Group, Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd., dan Tongkah Holdings Berhad.

Dalam memoirnya, *Doktor Umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Dr. Mahathir mendedahkan beberapa buah syarikat berprofil tinggi yang menghadapi masalah teruk akibat krisis kewangan dan hampir muflis, antaranya, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang baru diswastakan, Transit Aliran Ringan (LRT), Indah Water Konsortium, dan Renong, konglomerat yang asalnya ditubuhkan untuk mengurus harta UMNO.

Tan Sri Tajuddin Ramli yang mengambil alih MAS meminjam RM1.8 bilion bagi membeli saham penguasaan syarikat penerbangan itu. Sejak beliau mengambil alih MAS, hutang syarikat itu meningkat kepada RM4.9 bilion pada hujung tahun 2000. Dr. Mahathir tidak tahu bahawa untuk mengambil alih MAS, Tan Sri Tajuddin meminjam sejumlah wang yang besar. "Kalau saya tahu hal itu, sudah tentu saya akan menghentikan pengambilalihan oleh Tajuddin," tulis Dr. Mahathir. Oleh sebab Tan Sri Tajuddin tidak dapat melunaskan hutangnya, maka kerajaan membayar beliau RM1.79 bilion dan mengambil balik MAS.

"Pembelian balik MAS dikecam hebat kerana beliau dibayar RM8 sesaham pada waktu nilai pasarannya RM3.62. Menteri Kewangan pada ketika itu, Tun Daim Zainuddin, merundingkan pembelian balik tersebut. Saya tidak setuju dengan harga yang ditawarkan, tetapi Tun Daim mendakwa itulah yang terbaik yang dapat dilakukan beliau bagi menyelamatkan MAS," jelas Dr. Mahathir.

Renong milik Tan Sri Halim Saad - seorang lagi anak didik Tun Daim mengalami beban hutang

yang besar. Pada mulanya, Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, bersetuju pada dasarnya dengan cadangan penyusunan semula Renong yang membuatkan pengeluaran bon bernilai kira-kira RM10 bilion yang disokong oleh kerajaan. Menurut Dr. Mahathir, Dato' Seri Anwar menafikannya dan kemudian berkata, beliau menolak cadangan itu. Dr. Mahathir memberitahu bahawa beliau mengetahui hal ini hanya selepas Dato' Seri Anwar disingkirkan dan Tan Sri Halim datang memberitahu beliau tentang rancangan tersebut.

Menurut Dr. Mahathir lagi, krisis kewangan yang melanda menyebabkan nilai pasaran saham Renong merosot kira-kira 80 peratus dan hutangnya merangkumi kira-kira lima peratus daripada keseluruhan jumlah hutang sistem perbankan. CDRC meminta United Engineering Malaysia (UEM) mengeluarkan RM8.5 bilion bon dan sebahagian hasilnya digunakan untuk membayar semula hutang Renong. Tan Sri Halim yang mengambil beberapa langkah licik berusaha mengekalkan kedudukannya dalam Renong. Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir mengarahkan Khazanah Nasional Berhad, mengambil alih UEM kerana jika Renong gagal membayar balik hutangnya, syarikat ini mungkin menarik turun bersama-samanya beberapa buah bank.

Semakin lama krisis kewangan berlaku, semakin merekah perbezaan antara Dr. Mahathir dengan Dato' Seri Anwar, terutamanya dari segi dasar dan politik. Jika Perhimpunan Agung UMNO sebelum ini selalunya ialah gelanggang untuk pucuk pimpinan parti itu menyerang musuh-musuhnya, perhimpunan tahun 1998 itu pula mendedahkan persengketaan antara Dr. Mahathir dengan Dato' Seri Anwar, yang ibarat "retak menanti belah."

Dato' Seri Anwar kelihatan mengambil pendirian yang berbeza daripada Dr. Mahathir, yang menggambarkan bahawa beliau tunduk pada Washington dan IMF. Beliau dikatakan perlu mengambil pendirian itu atas alasan bahawa nilai Ringgit terus jatuh "setiap kali Dr. Mahathir buka mulut." Dari segi dasar, Dato' Seri Anwar jelas mengambil langkah jimat cermat, iaitu langkah penghematan perbelanjaan kerajaan yang melibatkan pemotongan dua peratus perbelanjaan kerajaan. Sebaliknya Dr. Mahathir, menurut Barry Wain dalam *Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in Turbulent Times*, "sejak dahulu lagi

percaya, kerajaan sepatutnya berbelanja dengan murah hati, bukan hanya gaya Keynesian dengan wang dipinjamkan ketika kemerosotan ekonomi, tetapi sepanjang masa."

Dato' Seri Anwar nampaknya kurang bijak dengan mengambil langkah memotong perbelanjaan kerajaan kerana langkah ini lazimnya boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Dengan melaksanakan jimat cermat, beliau jelas mendakap salah satu tonggak Konsensus Washington. Joseph E. Stiglitz, mencatatkan dalam bukunya, *Globalization and its Discontents*, bahawa di Malaysia sendiri, isu yang berkaitan dengan respons yang sesuai terhadap krisis dibahaskan dengan hangat.

Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar mencadangkan "program IMF tanpa IMF," iaitu menaikkan kadar faedah dan memotong perbelanjaan kerajaan. Dr. Mahathir masih ragu-ragu. Akhirnya, beliau memecat Menteri Kewangannya dan dasar ekonomi diubah.

Malaysia bukan sahaja menolak pelan penyelamat IMF dan seterusnya melaksanakan kawalan modal terkawal mulai awal September 1998, tetapi juga menyaksikan peletakan jawatan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Ahmad Mohamed Don, dan timbalannya, Datuk Fong Weng Phak, pada 28 Ogos tahun itu. Peletakan jawatan Gabenor BNM dijangkakan "meningkatkan lagi kawalan Perdana Menteri Dr. Mahathir terhadap dasar ekonomi di tengah-tengah spekulasi yang semakin menjadi-jadi bahawa beliau akan mengenakan kawalan terhadap urus niaga mata wang Malaysia."

Peletakan jawatan itu menandakan anjakan drastik kepada dasar pengembangan Dr. Mahathir yang sejak sekian lama menyokong untuk merangsang ekonomi, seperti kadar faedah rendah dan lebih banyak perbelanjaan kerajaan. Peletakan jawatan itu juga dikatakan berpunca daripada perbezaan pendapat antara Ahmad Mohamed Don yang bersama-sama Dato' Seri Anwar, dengan Dr. Mahathir tentang kenaikan kadar faedah.

Mereka berdua menegaskan bahawa Malaysia memerlukan kadar faedah yang tinggi untuk

Semakin lama krisis kewangan berlaku, semakin merekah perbezaan antara Dr. Mahathir dengan Dato' Seri Anwar, terutamanya dari segi dasar dan politik.

Pembelian balik MAS dikecam hebat kerana beliau dibayar RM8 sesaham pada waktu nilai pasarannya RM3.62.



Dato' Seri Anwar Ibrahim

menarik para pelabur dan mengawal inflasi. Dr. Mahathir pula menjelaskan bahawa "kerajaan tidak pernah bersetuju dengan idea yang kita sepatutnya mempunyai kadar faedah tinggi dan kredit yang menjadi kering, kerana hal ini akan menyebabkan penguncupan, dan kita dapat lihat perkara ini dalam suku kedua merujuk penguncupan 6.8 peratus dalam ekonomi Malaysia pada suku kedua tahun 1998 selepas jatuh 2.8 peratus pada suku pertama tahun itu."

Dr. Mahathir yang mengulas peletakan jawatan Ahmad dan Fong dipetik sebagai berkata, "Mereka tidak selari dengan kerajaan dan oleh sebab mereka bertentangan dengan dasar kerajaan dan BNM ialah institusi kerajaan, mereka harus mematuhi atau meletakkan jawatan." Berhubung dengan pemangku Gabenor BNM pada ketika itu, Dr. Mahathir menjelaskan, "Dr. Zeti adalah bebas dalam erti kata melaksanakan tugasnya, tetapi dia tidak bebas untuk melemahkan ekonomi negara."

Selepas Dato' Seri Anwar dipecat daripada kerajaan dan parti pada 2 September 1998, Dr. Mahathir ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung UMNO tahun 1999, mendedahkan tindakan Dato' Seri Anwar semasa krisis kewangan. Dr. Mahathir memberitahu, "di Malaysia, Kementerian

Kewangan yang pada masa itu dipimpin oleh peminat IMF menyulitkan keadaan lagi dengan menaikkan kadar faedah kepada secara efektif, 24 peratus; mengurangkan duit dalam bank komersial, dan memendekkan masa hutang ditakrifkan sebagai sudah menjadi lupuk daripada enam bulan kepada tiga bulan.

Pada masa yang sama, belanjawan kerajaan dipotong sebanyak 21 peratus. Oleh sebab perbelanjaan mengurus tidak dapat dikurangkan, maka peruntukan pembangunan terpaksa dihapuskan sama sekali." [Himpunan teks ucapan Dr. Mahathir dapat dirujuk dalam Ahmad Fawzi Mohd Basri dan Mohd Foad Sakdan (penyelenggara), *Melangkah ke Alaf Baharu*. (2005).]

Dr. Mahathir juga mendedahkan kesan buruk daripada tindakan Dato' Seri Anwar itu, yang beliau sebut "Kementerian Kewangan ketika itu, yang

dihilangkan oleh IMF," iaitu aktiviti ekonomi hampir terhenti terus; bank-bank tidak dapat mengutip hutang, syarikat tidak dapat membayar hutang; ekonomi merosot dengan teruknya dan banyaklah syarikat yang merayu supaya mereka diberikan kebenaran menjual syarikat mereka kepada orang asing; dan hasil mahsul kerajaan jatuh dengan tidak ada perniagaan yang memperoleh keuntungan.

Menurut Dr. Mahathir, "bekas Timbalan Perdana Menteri itu mahu ekonomi menjadi lebih teruk dan kerajaan disalahkan oleh rakyat, terutamanya perwakilan Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1998, maka Presiden UMNO akan berundur." Seperti yang dicatatkan oleh Barry Wain, "Dr. Mahathir percaya bahawa timbalan dan bakal penggantinya merancang riu-rendah kehelan ekonomi untuk menggulingkannya."

Sehari sebelum Dato' Seri Anwar dipecat daripada kerajaan dan parti, Dr. Mahathir meletakkan dirinya tumpuan kontroversi seluruh dunia, dengan memperkenalkan kawalan modal terpilih pada 1 September. Beberapa hari selepas itu, Malaysia menambatkan Ringgit pada kadar RM3.80 untuk AS\$1.00, memotong kadar faedah, dan mengisytiharkan semua Ringgit pesisir pantai dihantar semula pada akhir bulan. Dengan melaksanakan kawalan terpilih, Dr. Mahathir dapat mengawal pasaran daripada menjadi tidak stabil akibat pemecatan Dato' Seri Anwar.

Itu semua cerita Dr. Mahathir tentang Dato' Seri Anwar. Dato' Seri Anwar juga mempunyai ceritanya tentang Dr. Mahathir. Antara yang tersebar luas, "Anwar menganggap Mahathir diktator." Mahathir, kaum keluarganya, dan kroninya 'menyedut berbilion-bilion Ringgit' ... Anwar memberitahu Mahathir tentang laporan mengenai Daim yang membawa antara RM700 juta hingga RM1 bilion ke luar negara dan berusaha 'bagi melarikan RM800 juta saham UMNO ... Mahathir menunjukkan kejengkelannya terhadap usaha Anwar bagi mengehadkan pampasan (Tan Sri) Ting Pek Khing bagi projek Bakun yang tertangguh," tulis John Hillely dalam *Malaysia: Mahathirisme, Hegemoni, dan Pembangunan Baru*, yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Menurut Hillely, aspek yang tidak disenangi ialah pemberian wang RM1.7 bilion yang dibayar oleh Petronas kepada konsortium anak lelaki Dr. Mahathir, Mirzan - Dato' Seri Anwar (dan Petronas) berhujah untuk menyelesaikannya

melalui penilaian perkapalan antarabangsa. Walau bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir dalam memoirnya, pembelian Konsortium Logistik Berhad (KLB) oleh Petronas, menyebabkan syarikat milik anaknya itu kerugian RM457.8 juta dalam buku kira-kira syarikat.

Akibat krisis yang teruk ini, nama ahli perniagaan atau tokoh korporat Melayu yang kononnya hebat yang selalu di bibir masyarakat mula terbenam. Ada syarikat yang lingkup, ada syarikat atau pemilihan bumiputera berpindah tangan kepada bukan bumiputera. Kemudian beberapa buah bank yang dianggap mempunyai kepentingan bumiputera, seperti Bank Bumiputra Berhad dan Sime Bank Group digabungkan dengan bank lain.

Krisis kewangan Asia, seperti yang disentuh oleh Dr. Mahathir dalam memoirnya, "mengakibatkan beberapa usahawan Melayu, seperti Tan Sri Tajuddin Ramli, Tan Sri Halim Saad," bahkan anak beliau sendiri, Mirzan, "kehilangan syarikat perniagaan mereka." Kelibat ahli perniagaan Melayu yang tergolong dalam senarai orang terkaya di Malaysia boleh dikatakan tidak kelihatan, atau dengan kata lain, bilangan mereka semakin mengelir, bahkan ada yang menghilang.

Krisis mata wang mempunyai impak yang mendalam terhadap golongan kapitalis domestik, terutamanya ahli politik yang mempunyai hubungan yang rapat, tulis Terence Gomez dalam "Where Have All the Capitalists Gone?" yang diterbitkan dalam *Aliran Monthly*. "Krisis mata wang mempunyai impak yang mendalam terhadap kapitalis domestik, terutama ahli perniagaan yang mempunyai hubungan yang sangat rapat.

Dengan kejatuhan pantas dalam nilai ekuiti yang disebut di Bursa Saham Kuala Lumpur (kini dikenali Bursa Malaysia), banyak syarikat yang mempunyai hubungan yang sangat rapat terkeluar daripada senarai 100 buah firma Malaysia teratas, jauh lebih pesat berbanding dengan firma itu tergolong dalam senarai. Kapitalis Cina kelihatan berkedudukan lebih baik dalam krisis itu, seperti juga syarikat disenaraikan milik kerajaan."

Gomez memetik kajian *Malaysian Business* (1 Februari 2001) tentang ahli perniagaan yang terkaya di Malaysia yang menunjukkan pada permulaan tahun 2001, tidak ada tokoh Melayu yang tersenarai dalam kalangan 10 ahli perniagaan, iaitu dari segi nilai aset korporat yang dimiliki mereka.

Daripada 10 orang itu, seorang India, manakala selebihnya Cina. Daripada 20 orang, hanya tiga orang bumiputera, manakala 16 orang ialah Cina. Tambah Terence Gomez, "pada tahun 2003, semua tiga ahli perniagaan Melayu ini, iaitu Tan Sri Tajuddin Ramli, Tan Sri Halim Saad, dan Tan Rashid Hussain hilang kawalan aset korporat mereka." Elok juga ditambah di sini bahawa selepas krisis kewangan Asia 1997/1998, pertumbuhan ekonomi sukar untuk kembali kepada kadar praktikal, iaitu lapan peratus setahun secara konsisten dari tahun ke tahun.

Sesungguhnya krisis kewangan Asia memberikan kesan yang sangat mendalam, bukan sahaja terhadap ekonomi dan perniagaan, bahkan juga terhadap politik tanah air. Krisis ini membawa kepada pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Kewangan dan seterusnya beliau dipenjarakan. Dua dekad berlalu dan Perdana Menteri silih berganti, tetapi kesan pemecatan itu masih belum reda.

Reformasi yang dilancarkan oleh beliau menggegarkan bandar raya Kuala Lumpur dan kesannya dapat dilihat dalam pilihan raya umum tahun 1999, yang jelas menunjukkan keberangan orang Melayu yang diterjemahkan dalam peti undi. Persengketaan antara Dr. Mahathir dengan Dato' Seri Anwar meletakkan negara sebagai pertarungan yang besar dan tidak kurang orang yang menjadi mangsa politik (juga ekonomi) akibat persengketaan itu.

Cepatnya masa beredar, pada Julai lalu, genap 20 krisis kewangan yang dianggap terburuk sebelum krisis kewangan global 2007-2008. Bagi Malaysia, krisis ini meninggalkan luka yang dalam yang masih belum sembuh sepenuhnya dan mungkin tidak akan sembuh selama-lamanya.

Guguran atau kesan sampingannya masih belum hilang. Meskipun sejak tahun lalu, Dr. Mahathir dan Dato' Seri Anwar kelihatan berbaik semula, tuduh-menyuduh, kata-mengata antara satu sama lain, terlalu banyak dan didokumenkan sebagai sumber yang tidak mudah untuk dipadamkan. ●

Dengan melaksanakan kawalan terpilih, Dr. Mahathir dapat mengawal pasaran daripada menjadi tidak stabil akibat pemecatan Dato' Seri Anwar.

Krisis mata wang mempunyai impak yang mendalam terhadap kapitalis domestik, terutama ahli perniagaan yang mempunyai hubungan yang sangat rapat.